

Harian Metro
Khamis 16/2/23

lokal

Perlukan 186,000 tenaga kerja asing

Putrajaya: Lebih 186,000 tenaga kerja warga asing diperlukan dalam sektor pertanian di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Mafs), Chan Foong Hin berkata, buat masa ini, terdapat kira-kira 3,000 warga asing sudah mendaftar melalui Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 yang dibuka semula pada 17 Januari lalu bagi memenuhi kekosongan di sektor itu.

Beliau berkata, Mafs bekerjasama dengan beberapa agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi menangani isu kekurangan pekerja.

"Pengambilan pekerja warga asing ini bersifat sementara dan kementerian menasarkankan rakyat tempatan dan golongan muda untuk menyertai bidang ini dan menjadikan kerjaya kerana mempunyai masa depan yang cerah," katanya pada program Dailog Komprehensif Antara Pemegang Taruh Sektor Pertanian Berkaitan Pengurusan Pekerja Asing, di sini, semalam.

Program ini dihadiri 400 pemain industri pertanian meliputi sub-sektor tanaman, ternakan dan perikanan.

Chan berkata, sesi dailog ini bertujuan menyampaikan maklumat tepat dan terkini mengenai pengurusan pekerja asing kepada pemain industri di samping membantu golongan yang kurang mahir dalam bidang internet.



Pengambilan pekerja warga asing ini bersifat sementara dan kementerian menasarkankan rakyat tempatan dan golongan muda untuk menyertai bidang ini"

Chan

rian menyedari bagi menjamin sumber tenaga manusia yang mencukupi menjadi antara faktor penting dalam memastikan hala tuju dan fokus utama kementerian dapat direalisasikan.

Katanya, antara perkara yang sering dibangkitkan pemain industri berkenaan pengurusan pekerja warga asing adalah seperti Pelaksanaan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing oleh KSM dan Pelaksanaan Seksyen 60K, Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) dan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

"Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja warga asing ini menjadi alternatif bagi mendapatkan sumber tenaga kerja sekaligus membantu meningkatkan hasil pengeluaran yang memberi kesan kepadaimbangan perdagangan serta menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara dan sekuriti